**Oleh: Ahli Panel al-ahkam.net (Ustaz Zain Y.S. & Ustaz Gayat)**

**********
Posted: Thu Feb 13, 2003 7:52 pm  Post subject: Salah al-haajah??????????
---

Salah al-haajah

Entah mengapa, secara tiba-tiba budaya solat haajah menjadi begitu berleluasa di seluruh negara. la berpunca daripada sikap kebanyakan orang yang bertaqlid buta dan beramal tanpa ilmu serta anjuran oleh sesetengah tokoh masyarakat yang mengadakannya kononnya untuk mendidik masyarakat tentang kewujudan solat al-haajah.

Sepatutnya jika sesorang itu benar-benar mempunyai sesuatu keperluan maka adalah tanggungjawab individu tersebut bangun di penghujung malam lalu berdu'a kepada Allah secara individu. Jika dia inginkan seseorang 'alim atau kawan-kawannya mendu'akannya bolehlah dia menyuruh mereka mendu'akan untuknya. Perbuatan-perbuatan ini adalah berasal dari perbuatan Nabi saw dan para sahabatnya.

Adapun solat al-haajah, bagi mereka yang menganggapnya sunnah maka biasanya mereka akan berdalilkan hadith-hadith berikut:

a. Dari 'Abdillah ibn Abi Aufa meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW bersabda, "*Barangsiapa yang mempunyai hajat kepada Allah atau kepada seseorang makhluqNya, maka hendaklah dia berwudhu' dengan mengelokkan-wudhu'nya dan bersolat dua raka'at, dan kemudiannya memuji Allah dan berselawat ke atas Rasulullah SAW lalu hendaklah dia membaca do'a ini. La Ilaha IIIAIIah al-Halim al-Karim, SubhanAllah rabb al-'Arsh al-'Adzim (du'a ini tidak disalin semua)*"
**[at-Tirmizhiyy, Kitab as-Solah, Ma jaa'a fi solaah al-haajah] (Dho'if sunan at-tirmizhiyy, no. 73)**

Hadith ini dimasukkan oleh Imam Ibn al-Jawzi di dalam kitabnya al-Maudhu'at (iaitu hadith-hadith palsu) akan tetapi ia dihukum oleh Shaykh al-Albani dalam Dha'if Sunan Tirmizi sebagai sangat dha'if. Ini adalah kerana di dim silsilah perawi hadith ini ada seorang yang bernama Faid bin Abd al-Rahman. Dia sangat dha'if, dikatakan Munkar al-Hadith oleh Imam al-Bukhari, Matruk (Ditinggalkan hadithnya tanpa ber'amal dengannya) oleh Imam Ahmad, Dha'if oleh Yahya ibn Ma'iin,

Hadithuhu Kazhib (Hadithnya Bohong) oleh Abu Hatim al-Razi. Maka hadith ini tidak boleh dijadikan hujjah pensyari'atan solat hajat.

b. Dari 'Abdillah bin Abi Awfa al-Aslamiy bahawa satu hari telah keluar kepada kami Rasulullah SAW maka baginda bersabda, "*Barangsiapa yang mempunyai hajat kepada Allah atau kepada seseorang makhluqNya, maka hendaklah dia berwudhu' dengan mengelokkan wudhu'nya dan bersolat dua raka'at, dan (perhatikan perbezaan matan hadith ini dengan yang sebelumnya, di mana di dalam hadith ini tiada terdapat suruhan agar memuji Allah dan berselawat di atas junjungan Rasulullah SAW) kemudiannya hendaklah dia membaca du'a ini. La Ilaha IIIAIIah al-Halim al- Kariim, SubhanAllah rabb al-'Arsh al-'Aziim (du'a ini tidak disalin semua) kemudian dia meminta dari Allah akan hal-hal dunia dan akhirat, apa sahaja yang ia kehendaki, Sesungguhnya Dialah yang menentukan (ini juga merupakan penambahan di dalam riwayat yang sebelum ini)*"
**[Ibn Majah, Kitab Iqamah as-Solah wa as-Sunnah fiiha, Ma jaa'a fi solah al-haajah] (Dho'if sunan ibn maajah, 293)**.

Hadith ini juga terdapat penyakit iaitu Faid bin Abd al-Rahman sebagaimana yang sebelumnya. Maka hadith ini juga tidak sah dijadikan hujjah.
c. Dari Abi Ad-Darda' RA bahawa Rasulullah SAW bersabda, "*Sesiapa yang berwudhu' lalu diperelokkan wudhu'nya, kemudian dia menunaikan solat 2 raka'at dengan sempurna, nescaya Allah memberikan apa yang dimintanya, sama ada cepat atau lambat (hadith ini tidak diterjemah sepenuhnya)*" **[Ahmad, Musnad al- Qoba'il]**

Hadith ini pada silsilah periwayatnya ada seorang yang bernama Maimun atau Abu Muhammad al-Mara'ii at-Tamimi, seorang yang majhul yang tidak diketahui siapakah gerangannya oleh 'ulama' hadith. Malah di dalamnya juga ada Yahya ibn Abi Kathir.

Beliau adalah thiqah tetapi kekadang dia meriwayatkan hadith secara mudallas dan kekadang dia meriwayatkan hadith dengan terputus sanad (Mursal). Jadi terdapat satu perawi yang majhul dan satu lagi yang ada mempunyai kes-kes yang tidak enak di dalam meriwayatkan hadith. Jadi, ia juga dho'if lalu tidak boleh dijadikan hujjah.

d. Dari 'Uthman bin Hunaif RA, bahawa telah datang kepada Rasulullah SAW seorang yang buta matanya seraya berkata, "*Ya Rasulallah! Doakan kepada Allah untuk saya supaya Dia menyembuhkan saya*." Rasulullah SAW bersabda, "*jika engkau mahu, (doakan segera) maka akan aku doakan untukmu dan jika kamu mahu kamu boleh bersabar dan ianya (bersabar) lebih baik bagi kamu*." Lelaki itu menjawab, "*Doakanlah*!" Maka Rasulullah SAW menyuruhnya supaya berwudhu' dengan elok lalu bersolat dua raka'at dan berdoa dengan doa ini, "*Allahumma Inni asaluKa wa atawajjahu ilaika binabiyyika Muhammad Nabiy ar-rahmah. Inni tawajjahtu bika ila rabbi fi hajati hazihi lituqdha liyy. Allahumma fashaffi'hu fiya*"
**(Hadith Hassan Sahih Gharib) [al-Tirmizi: Kitab ad-Da'awat 'an rasulillah, fi du'aa' ad-dho'iif, Ibn Majah: Kitab Iqamah as-Solah wa as-Sunnah fiha]**

Hadith inilah merupakan hadith yang paling sohih dalam menjadikan hujjah sebagai pensyari'atan solat hajat. Akan tetapi do'anya tentulah tidak sesuai diamalkan kerana ia bersangkutan dengan tawassul kepada Nabi pada masa hidupnya.

Adapun sekarang, Rasulullah SAW telah pun wafat. Maka tidak boleh lagi bertawassul melalui baginda.

Jika dilihat dari hadith-hadith di atas, baik yang dha'if ataupun yang sahih, ia dilakukan sendiri oleh tuan empunya hajat. Rasulullah SAW, walaupun pada ketika itu masih hidup dan ada bersama lelaki yang buta itu, akan tetapi baginda tetap tidak mendirikan solat itu bersama-sama dengannya malah baginda menyuruh si buta itu sendiri sembahyang untuk memohon hajatnya kepada Allah secara langsung. Cuma do'anya sahaja bertawassulkan kepada Rasulullah SAW (ketika hidup) sebagaimana yang diajarkan oleh Rasulullah SAW sendiri.

Solat ini di dalam mazhab Syafl'iyy diletakkan di bawah solat naafil (sunnat) yang didirikan secara individu. Solat nafil yang didirikan secara berjama'ah adalah seperti Solat 'lid al-fitr dan Solat 'Id al-Adha (solat raya), solat Istisqo' (solat minta hujan) serta solat gerhana. Solat al-haajah ini tidak diletakkan di bawah solat nafil yang dilakukan secara berjama'ah dan seelok-eloknya ia dilakukan secara individu.

Demikianlah yang diketahui dan diajar oleh para 'ulama' zaman berzaman. Manusia yang paling hebat diuji oleh Allah adalah para Nabi- nabi 'alayhimussolatu wassalam sesuai dengan sabdaan Nabi dalam sebuah hadith yang sohih: "*Sesungguhnya di antara sedahsyat-dahsyat manusia yang diberi balaa' (ujian) adalah para anbiyaa', kemudiannya adalah orang yang selepasnya (dari*

*segi keimanan) dan kemudian adalah yang selepasnya.*" **(Riwayat Ahmad)(Majma' az-Zawwa'id) ( Silsilah al-ahaadith as-sahiihah 145, 3267, 1165) [diriwayatkan hadis ini juga oleh beberapa perawi lain dengan lafaz yang sedikit berbeza]**

Nabi Muhammad saw dan para sahabat sendiri telah melalui pelbagai keadaan di zaman mereka seperti:
a) Peristiwa penyiksaan ke atas Bilal, Khabbab dan para sahabat yang lain.
b) Pemboikotan ekonomi ke atas kaum Muslimin
c) Kejadian ba'iah ridhwan selepas 'Uthmaan tidak pulang ke pangkuan kaum Muslimin.
d) Berpuluh-puluh misi ketenteraan
e) Peristiwa hadith al-ifk yang menimpa 'Aaisyah
f) Peristiwa pengepungan ke atas kota Madeenah oleh tentera Ahzaab
g) Peristiwa pembunuhan 'Uthman
h) Peristiwa perang saudara di antara Mu'awiyyah dan 'Ali

Walaupun terdapat begitu banyak tribulasi dan cabaran yang menimpa kaum Muslimin di zaman para Nabi dan sahabat namun tidak pemah sekali pun kita mendengar Nabi saw atau para sahabat-sahabatnya menganjurkan solat haajah sebagaimana yang dibudayakan oleh kebanyakan orang Melayu pada hari ini. Di sesetengah masjid di Negara kita, hampir tiap-tiap malam diadakan majlis solat haajah ini untuk pelbagai sebab yang mendatang.

Ini tidak lain adalah rekaan dalam 'iibadah yang semua kaum Muslimin perlu menghindarinya. Sesungguhnya yang terbaik itu adalah dalam mengikuti Sunnah dan menjauhi bid'ah. Wallahua'lam.

Muharrom 1423H.
Evidence based Islam

:bubble0

**********
Posted: Thu Feb 13, 2003 7:54 pm Post subject: Re: Salah al-haajah??????????
---
Minta ustaz-ustaz bahaskan sikit permasalahan ni terutamanya dalam pandangan imam-imam mazhab berdasarkan kaedah, dalil dan hujah apa jika di benarkan??

:sumo

**********
Posted: Fri Feb 14, 2003 5:17 am Post subject: Re: Salah al-haajah??????????
---
الجماعة في النوافل
هل يجوز أداء صلاة الحاجة في جماعة ؟ وإذا كان جائزاً فهل تكون صلاة سرية أم جهرية؟

لجنة تحرير الفتوى بالموقع

بسم الله ، والحمد لله ، والصلاة والسلام على رسول الله، وبعد:

فصلاة الحاجة وغيرها من النوافل تجوز في جماعة وفرادى عند جمهور الفقهاء ، وتكره جماعة عند الحنفية إذا كانت على سبيل التواتر والمواظبة , وعند المالكية إذا كثرت الجماعة أو اشتهر المكان كرهت الجماعة حذر الرياء . وإذا صليت جماعة فيسن أن تكون سرا بالنهار ، وجهرا بالليل ، على أن لا يتأذى بالجهر نائم ونحوه ، وإن خالف الإمام ذلك فلا بأس

جاء في "المغني" لابن قدامة: يجوز التطوع جماعة وفرادى ; { لأن النبي صلى الله عليه وسلم فعل الأمرين كليهما , وكان أكثر تطوعه منفردا , وصلى بحذيفة مرة , وبابن عباس مرة , وبأنس وأمه واليتيم مرة , وأم أصحابه في بيت عتبان مرة , وأمهم في ليالي رمضان ثلاثا } , وهي كلها صحاح جياد . أ.هـ

ونص الخطيب الشربيني في "مغني المحتاج شرح المنهاج" ـ من كتب الشافعية ـ: أن كل صلاة لم تشرع فيها الجماعة جازت فيها الجماعة، وإنما أخذوا ذلك من تجميع عمر رضي الله عنه الناس على صلاة التراويح، ولم يكن أمر الأول على عهد رسول الله على ذلك .

وفي الموسوعة الفقهية الكويتية : ما تسن له الجماعة من صلاة التطوع : تسن الجماعة لصلاة الكسوف باتفاق بين المذاهب , وتسن للتراويح عند الحنفية والشافعية والحنابلة . وهي مندوبة عند المالكية , إذ الأفضل الانفراد بها ـ بعيدا عن الرياء ـ إن لم تعطل المساجد عن فعلها فيها . وتسن الجماعة كذلك لصلاة الاستسقاء عند المالكية والشافعية والحنابلة , أما عند الحنفية فتصلى جماعة وفرادى عند محمد , ولا تصلى إلا فرادى عند أبي حنيفة . وتسن الجماعة لصلاة العيدين عند المالكية والشافعية . أما عند الحنفية والحنابلة فالجماعة فيها واجبة . ويسن الوتر جماعة عند الحنابلة وبقية التطوعات تجوز جماعة وفرادى عند الشافعية والحنابلة , وتكره جماعة عند الحنفية إذا كانت على سبيل التداعي ـ المواظبة ـ , وعند المالكية الجماعة في الشفع والوتر سنة والفجر خلاف الأولى . أما غير ذلك فيجوز فعله جماعة , إلا أن تكثر الجماعة أو يشتهر المكان فتكره الجماعة حذر الرياء .

وأما الجهر في النوافل : فلا خلاف بين الفقهاء في سنية الإسرار في نوافل النهار المطلقة . أما نوافل الليل فيرى المالكية وصاحب التتمة من الشافعية سنية الجهر فيها . وذهب الحنفية إلى أن المنفرد يخير بين الجهر والإخفاء ; لأن النوافل تبع للفرائض لكونها مكملات لها فيخير فيها المنفرد كما يخير في الفرائض . وإن كان إماما جهر لما ذكر من أنها اتباع الفرائض , ولهذا يخفي في نوافل النهار ولو كان إماما . ويقول الحنابلة : إن المتنفل ليلا يراعي المصلحة , فإن كان بحضرته أو قريبا منه من يتأذى بجهره أسر , وإن كان من ينتفع بجهره جهر . وقال الشافعية : يتوسط المتنفل ليلا بين

الجهر والإسرار . هذا إن لم يشوش على نائم أو مصل أو نحوه وإلا فالسنة الإسرار . قال المحب بن نصر الله الكتاني : والأظهر أن النهار هنا من طلوع الشمس لا من طلوع الفجر , والليل من غروب الشمس إلى طلوعها . (انتهى). وهذا إذا كان الإمام رجلا ، وأما إذا أمت المرأة النساء ـ وفقا للراجح من أقوال الفقهاء ـ فلها أن تجهر إذا لم يسمعها رجل أجنبي ، ولكن الأفضل أن تسر.

ذهب B >/< : جاء في الموسوعة الفقهية الكويتية : إسرار المرأة وجهرها في الصلاة أكثر الشافعية والحنابلة في قول إلى أن المرأة إن كانت خالية أو بحضرة نساء أو رجال محارم جهرت بالقراءة , وإن صلت بحضرة أجنبي أسرت . ويرى المالكية كراهة الجهر بالقراءة للمرأة في الصلاة . وصرحوا بأنه يجب عليها إن كانت بحضرة أجانب يخشون من علو صوتها الفتنة إسماعها نفسها فقط . ويؤخذ من عبارات فقهاء الحنفية ـ وهو وجه عند الشافعية وقول آخر عند الحنابلة ـ أن المرأة تسر مطلقا . قال ابن الهمام الحنفي: لو قيل إذا جهرت بالقراءة في الصلاة فسدت كان متجها . وهذا هو أحد الوجهين عند الشافعية . وقال النووي الشافعي: حيث قلنا : تسر فجهرت لا تبطل صلاتها على الصحيح . قال المرداوي : يحتمل أن يكون الخلاف هنا مبنيا على الخلاف في كون صوتها عورة أم لا . أ. هـ والله أعلم

Sumber:
http://islamonline.net/completesearch/arabic/FatwaDisplay.asp?hFatwaID=68692
---
Ringkasan isinya ialah:

1. Jumhur fuqaha' mengharuskan solat hajat dan solat nawafil lainnya secara berjamaah.
2. Hanafiyah memakrukannya jika ia dilakukan secara berturutan dan berterusan.
3. Maliki memakruhkannya jika terdapat ramai jamaah yang ikut serta. Alasannya ialah untuk menghindari riya'.

_____
zain y.s™

**********
Posted: Tue Feb 18, 2003 8:47 am  Post subject: Re: Salah al-haajah?????????
---
Ini pula adalah pandangan syeikh Utsaimin:
صلاة الحاجة وصلاة حفظ القرآن

س253) وسئل فضيلة الشيخ ابن عثيمين:

سمعت عن صلاة الحاجة وصلاة حفظ القرآن فهل هاتان صلاتان أم لا؟
الجواب) كلتاهما غير صحيحة، لا صلاة الحاجة ولا صلاة حفظ القرآن لأن مثل هذه ) العبادات لا يمكن إثباتها إلا بدليل شرعي يكون حجة وليس فيهما دليل شرعي يكون حجة، وعليه تكونان غير مشروعتين

Terjemahan

Soal: Saya mendengar mengenai solat hajat dan solat menghafaz al-Quran, apakah kedua-duanya itu solat ataupun tidak?

Jawab: Kedua-duanya tidak sah. Tidak ada solat hajat dan tidak ada solat menghafaz al-Quran. Kerana kedua-duanya itu adalah ibadah. Tidak boleh menetapkan satu-satu ibadah melainkan dengan dalil syar'i sebagai hujah. Untuk kedua-dua solat berkenaan tiada dalilnya secara syar'i. Maka oleh itu, kedua-duanya itu tidak disyariatkan.

(Rujukan: http://www.mknon.net/ftawa/ft19.htm)

zain y.s™

**********
Posted: Tue Feb 18, 2003 9:55 am Post subject: Re: Salah al-haajah??????????
---
Fatwa oleh: Syeikh Muhamad Salleh al-Munajjid

السؤال:

سؤالي عن صلاة الحاجة : كم مرة يصليها المرء ؟ ومتى يمكن صلاتها ؟ هل الأفضل صلاتها في الوقت الذي يتوقع فيه إجابة الدعاء ؟.

الجواب:

الحمد لله

المشروع في حق المسلم أن يتعبد الله بما شرعه في كتابه ، وبما ثبت عن النبي صلى الله عليه وسلم ، ولأن الأصل في العبادات التوقيف ، فلا يقال أن هذه عبادة مشروعة إلا بدليل صحيح .

وما يسمى بصلاة الحاجة : قد ورد في أحاديث ضعيفة ومنكرة - فيما نعلم - لا تقوم بها حُجّةٌ ولا تَصْلُحُ لبناء العمل عليها .

فتاوى اللجنة الدائمة 162/8 .

والحديث الوارد في صلاة الحاجة هو : عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ أَبِي أَوْفَى الأَسْلَمِيِّ قَالَ : " خَرَجَ عَلَيْنَا رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَالَ مَنْ كَانَتْ لَهُ حَاجَةٌ إِلَى اللَّهِ أَوْ إِلَى أَحَدٍ مِنْ خَلْقِهِ فَلْيَتَوَضَّأْ وَلْيُصَلِّ رَكْعَتَيْنِ ثُمَّ لِيَقُلْ لا إِلَهَ إِلا اللَّهُ الْحَلِيمُ الْكَرِيمُ سُبْحَانَ اللَّهِ رَبِّ الْعَرْشِ الْعَظِيمِ الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ اللَّهُمَّ إِنِّي أَسْأَلُكَ مُوجِبَاتِ رَحْمَتِكَ وَعَزَائِمَ مَغْفِرَتِكَ وَالْغَنِيمَةَ مِنْ كُلِّ بِرٍّ وَالسَّلامَةَ مِنْ كُلِّ إِثْمٍ أَسْأَلُكَ أَلا تَدَعَ لِي ذَنْبًا إِلا غَفَرْتَهُ وَلا هَمًّا إِلا فَرَّجْتَهُ وَلا حَاجَةً هِيَ لَكَ رِضًا إِلا قَضَيْتَهَا لِي ثُمَّ يَسْأَلُ اللَّهَ مِنْ أَمْرِ الدُّنْيَا وَالآخِرَةِ مَا شَاءَ فَإِنَّهُ يُقَدَّرُ " رواه ابن ماجة ( إقامة الصلاة والسنة/1374)

قال الترمذي هذا حديث غريب وفي إسناده مقال : فائد بن عبد الرحمن يُضعَّف في الحديث . وقال الألباني : بل هو ضعيف جداً . قال الحاكم : روى عن أبي أوفى أحاديث موضوعة .

مشكاة المصابيح ج1 ص 417 .
قال صاحب السنن والمبتدعات : بعد أن ذكر كلام الترمذي في فائد بن عبد الرحمن وقال أحمد متروك ... وضعفه ابن العربي .

و قال :
وأنت قد علمت ما في هذا الحديث من المقال ، فالأفضل لك والأخلص والأسلم أن تدعو الله تعالى في جوف الليل وبين الأذان والإقامة وفي أدبار الصلوات قبل التسليم ، وفي أيام الجمعات ، فإن فيها ساعة إجابة ، وعند الفطر من الصوم ، وقد قال ربكم ( أدعوني أستجب لكم ) وقال : ( وإذا سألك عبادي عني فإني قريب أجيب دعوة الداع إذا دعان ) وقال : ( ولله الأسماء الحسنى فادعوه بها ) . كتاب السنن والمبتدعات للشقيري ص 124 .
الإسلام سؤال وجواب
الشيخ محمد صالح المنجد
(Sumber: http://www.islam-qa.com)

Terjemahan

Soal: Soalan saya ialah di sekitar solat hajat. Berapa kali dan bila perlu dikerjakan. Adakah solat hajat itu perlu dilakukan pada waktu yang dikatakan mustajab doa?

Jawab: Alhamdulillah. Yang disyariatkan pada hak seorang muslim bahawa dia beribadah kepada Allah sebagaimana yang telah disyariatkan di dalam al-Quran dan apa yang telah sabit datangnya dari Rasulullah s.a.w. Kerana asal di dalam ibadah adalah Tauqif. Atas asas ini maka satu-satu ibadah itu tidak disyariatkan melainkan dengan dalil yang sahih.

Apa yang dinamakan sebagai solat hajat: Ia ada di dalam beberapa hadis yang dha'if dan munkar – sepengetahuan kami – ia tidak dapat dijadikan sebagai hujah dan tidak boleh beramal berasaskan hadis ini.

Hadis yang dijadikan dalil untuk solat hajat ialah:

Barangsiapa yang mempunyai suatu hajat dengan Allah atau hajat dengan sesiapa sahaja di kalangan anak Adam, dia hendaklah mengambil wudhu', kemudian menunaikan sembahyang dua rakaat, kemudian memuji Allah dan berselawat ke atas Nabi s.a.w. kemudian berdoa:

لا إِلَهَ إلا اللَّهُ الْحَلِيمُ الْكَرِيمُ سُبْحَانَ اللَّهِ رَبِّ الْعَرْشِ الْعَظِيمِ الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ اللَّهُمَّ إِنِّي أَسْأَلُكَ مُوجِبَاتِ رَحْمَتِكَ وَعَزَائِمَ مَغْفِرَتِكَ وَالْغَنِيمَةَ مِنْ كُلِّ بِرٍّ وَالسَّلامَةَ مِنْ كُلِّ إِثْمٍ

أَسْأَلُكَ أَلا تَدَعَ لِي ذَنْبًا إِلا غَفَرْتَهُ وَلا هَمًّا إِلا فَرَّجْتَهُ وَلا حَاجَةً هِيَ لَكَ رِضًا إِلا قَضَيْتَهَا لِي ثُمَّ يَسْأَلُ اللَّهَ مِنْ أَمْرِ الدُّنْيَا وَالآخِرَةِ مَا شَاءَ فَإِنَّهُ يُقَدَّرُ "
**(HR: Ibnu Majah)**

**(Fatawa al-Lujnah al-Da'imah 162/8)**

Al-Tarmizi berkata bahawa ini adalah hadis gharib dan di dalamnya terdapat maqal (kritikan pro & kontra): Fa'id bin Abdul Rahman di dhaifkan di dalam hadis. Al-Albani pula berkata: Hadis ini dha'if jiddan. Al-Hakim berkata: Ia diriwayatkan dari Abi Aufa beberapa hadis maudhu'. **(Musykah al-Mashabih juz 1 hal. 417)**

Penulis kitab al-Sunan wal Mubtadi'aat berkata: selepas al-Tarmizi menyebuntukan tentang Fa'id bin Abdul Rahman

Ahmad berkata, ia hadis Matruk. Ibnu al-Arabi mendha'ifkan hadis ini.
Sekarang anda tahu bahawa di dalam hadis berkenaan terdapat maqal. Maka adalah lebih baik dan lebih selamat (sebagai ganti solat hajat) jika anda berdoa kepada Allah Taala pada tengah malam, atau ketika di antara azan dan iqamah, atau setiap kali sebelum salam dalam solat fardu atau pada hari Jumaat. Semuanya itu adalah pada waktu mustajab doa. Juga berdoa ketika berbuka puasa. Dan Allah berfirman: "*Berdoalah kepadaKu, nescaya aku akan tunaikan*." FirmanNya lagi: "*Dan, apabila hambaKu meminta dariKu, maka sesungguhnya Aku amat hampir, menunaikan doa orang yang berdoa apabila mereka berdoa*." FirmanNya lagi: "*Bagi Allah itu nama-nama yang indah. Serulah akannya dengan nama-nama itu.*" **(Kitab al-Sunan wal Mubtadi'aat)**

(Sumber: http://63.175.194.25/index.php?ln=ara&ds=qa&lv=browse&QR=10387&dengan=3 )

---

zain y.s™

**********
Posted: Tue Feb 18, 2003 10:37 am  Post subject: Re: Takhrij hadis Salah al-haajah
---
Berikut ini adalah takhrij dari syeikh al-Albani atas hadis dalil solat hajat:

1374 حدثنا سويد بن سعيد حدثنا أبو عاصم العباداني عن فائد بن عبد الرحمن عن عبد الله بن أبي أوفى الأسلمي قال خرج علينا رسول الله صلى الله عليه وسلم فقال من كانت له حاجة إلى الله أو إلى أحد من خلقه فليتوضأ وليصل ركعتين ثم ليقل لا إله إلا الله الحليم الكريم سبحان الله رب العرش العظيم الحمد لله رب العالمين اللهم إني أسألك موجبات رحمتك وعزائم مغفرتك والغنيمة من كل بر والسلامة من كل إثم أسألك ألا تدع لي ذنبا إلا غفرته ولا هما إلا فرجته ولا حاجة هي لك رضا إلا قضيتها لي ثم يسأل الله من أمر الدنيا والآخرة ما شاء فإنه يقدر * ( ضعيف جدا ) _ المشكاة 1327 ، التعليق الرغيب 1/242 - 243 ، ضعيف الجامع 5809 .

Menurut syeikh al-Albani hadis di atas terlalu lemah (dha'if Jiddan).

(Rujukan: http://arabic.islamicweb.com/Books/albani.asp?id=3673)

---

zain y.s™

**********
Posted: Tue Feb 18, 2003 10:58 am  Post subject: Re: Salah al-haajah
---

Mengenai solat hajat ini, ada beberapa perkara yang menjadi perhatian saya:

1. Para ulama berselisih di sekitar hukum solat hajat. Apakah ia disyariatkan ataupun tidak.
2. Ulama yang mengatakan ia tidak disyariatkan berhujah, bahawa hadis yang menjadi landasan hukum solat hajat adalah hadis lemah.

Manakala, di satu pihak lagi menggunakan hadis ini sebagai hujah bahawa solat hajat adalah sunat hukumnya.

Menurut al-Mausu'ah al-Feqhiyah (الموسوعة الفقهية) bahawa hukum sunnah sembahyang hajat ini dikatakan sebagai telah disepakati oleh para fuqaha'. Lihat nash kitab berkenaan:

صَلَاةُ الْحَاجَةِ التَّعْرِيفُ : 1 - الصَّلَاةُ يُنْظَرُ تَعْرِيفُهَا فِي مُصْطَلَحِ ( صَلَاةٌ ) وَالْحَاجَةُ فِي اللُّغَةِ : الْمَأْرَبَةُ ، وَالتَّحَوُّجُ : طَلَبُ الْحَاجَةِ بَعْدَ الْحَاجَةِ ، وَالْحَوْجُ : الطَّلَبُ ، وَالْحَوْجُ : الْفَقْرُ . وَلَا يَخْرُجُ اسْتِعْمَالُ الْفُقَهَاءِ لِلَفْظِ الْحَاجَةِ عَنْ الْمَعْنَى اللُّغَوِيِّ . وَلِلْأُصُولِيَّيْنِ تَعْرِيفٌ خَاصٌّ لِلْحَاجَةِ : فَقَدْ عَرَّفَهَا الشَّاطِبِيُّ فَقَالَ : هِيَ مَا يُفْتَقَرُ إلَيْهِ مِنْ حَيْثُ التَّوْسِعَةُ وَرَفْعُ الضِّيقِ الْمُؤَدِّي فِي الْغَالِبِ إلَى الْحَرَجِ وَالْمَشَقَّةِ اللَّاحِقَةِ بِفَوْتِ الْمَصْلَحَةِ ، فَإِذَا لَمْ تُرَاعَ دَخَلَ عَلَى الْمُكَلَّفِينَ - عَلَى الْجُمْلَةِ - الْحَرَجُ وَالْمَشَقَّةُ ( ر : حَاجَةٌ ف 1 مِنْ الْمَوْسُوعَةِ ج 2 : ( الْحُكْمُ التَّكْلِيفِيُّ ) . ( 16 - [color=red] اتَّفَقَ الْفُقَهَاءُ عَلَى أَنَّ صَلَاةَ الْحَاجَةِ مُسْتَحَبَّةٌ [/color]. وَاسْتَدَلُّوا بِمَا أَخْرَجَهُ التِّرْمِذِيُّ عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ أَبِي أَوْفَى قَالَ : قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : { مَنْ كَانَتْ لَهُ إلَى اللَّهِ حَاجَةٌ أَوْ إلَى أَحَدٍ مِنْ بَنِي آدَمَ فَلْيَتَوَضَّأْ فَلْيُحْسِنْ الْوُضُوءَ ، ثُمَّ لِيُصَلِّ رَكْعَتَيْنِ ، ثُمَّ لِيُثْنِ عَلَى اللَّهِ ، وَلِيُصَلِّ عَلَى النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ثُمَّ لِيَقُلْ : لَا إلَهَ إلَّا اللَّهُ الْحَلِيمُ الْكَرِيمُ ، سُبْحَانَ اللَّهِ رَبِّ الْعَرْشِ الْعَظِيمِ ، الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ ، أَسْأَلُك مُوجِبَاتِ رَحْمَتِك ، وَعَزَائِمَ مَغْفِرَتِك وَالْغَنِيمَةَ مِنْ كُلِّ بِرٍّ ، وَالسَّلَامَةَ مِنْ كُلِّ إثْمٍ ، لَا تَدَعْ لِي ذَنْبًا إلَّا غَفَرْتَهُ ، وَلَا هَمًّا إلَّا فَرَّجْته ، وَلَا حَاجَةً هِيَ لَك رِضًا إلَّا قَضَيْتَهَا يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ } . رَوَاهُ ابْنُ مَاجَهْ وَزَادَ بَعْدَ قَوْلِهِ : { يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ : ثُمَّ يَسْأَلُ مَنْ أَمْرِ الدُّنْيَا وَالْآخِرَةِ مَا شَاءَ فَإِنَّهُ يُقَدَّرُ } .

Rujukan:
http://feqh.al-islam.com/Display.asp?DocID=100&MaksamID=1884&ParagraphID=10975&Sharh=0

Tanda yang saya merahkan itu bermaksud: "*Para fuqaha' telah bersepakat mengatakan bahawa solat hajat adalah sunnah*."

3. Timbul persoalan: Sejauh manakah dakwaan kitab berkenaan bahawa hukum berkenaan telah disepakati oleh para fuqaha'?

Atau apa maksud para fuqaha' telah bersepakat? Atau yang dimaksudkan jumhur/majoriti fuqaha'.

Seandainya yer.. Atau sekurang-kurangnya ia adalah pendapat jumhur, apakah alasan mereka sehingga menggunakan hadis dhaif ini sebagai alasan hukum?

Apakah kerana mereka ada pandangan lain mengenai status hadis ini? Atau ada dalil lain?
---
Pembahasan secara detail mengenainya amat-amat membantu kita menjawab persoalan-persoalan berkenaan.

_____
zain y.s™

**********
Posted: Tue Feb 18, 2003 7:25 pm Post subject: Re: Salah al-haajah
---
Imam an-Nawawi menganggap solat hajat ini sebagai sunat. Namun dalil yang dilampirkan diakui oleh dirinya sebagai hadis yang mempunyai perawi yang dipermasalahkan.

Hadisnya:

Dari Abdullah bin Aufaa ra. ia berkata, Rasulullah saw bersabda: "*Sesiapa ada hajat kepada Allah swt atau kepada seseorang manusia, maka hendaklah ia berwudhu' dengan baik dan sempurna kemudian sembahyanglah dua rakaat. Setelah itu hendaklah ia memuji kepada Allah swt, membaca selawat dan membaca: Tiada tuhan selain allah yang Maha Halim lagi Maha Mulia. Maha Suci Allah tuhan semesta alam. Aku memohon kepada-Mu kepastian rahmat-Mu kepastian maghrifah-Mu, kemenangan dari tiap-tiap kebaikan dan selamat dari dosa. Ya Allah, jangan Kau biarkan diriku berdosa melainkan Kau ampuni, tiada ada kesusahan melainkan Kau bukan jalan keluar dan tiada sesuatu yang diredhai oleh-Mu melainkan Kau luluskan Ya Allah yang Maha Rahma*n."
**[Riwayat turmudzi dan Ibnu Majah. Turmudzi mengatakan bhw isnadnya ada perawi yang dipermasalahkan]**

Rujukan:
Kitab Al-Azkar - Al Imam An-Nawawi
Intisari Bahrul Madzi Jilid 2

_____
Ditulis/Disusun oleh g@y@t

**********
Posted: Tue Feb 18, 2003 9:40 pm Post subject: Re: Salah al-haajah
---
Quote:
Imam an-Nawawi menganggap solat hajat ini sebagai sunat. Namun dalil yang dilampirkan diakui oleh dirinya sebagai hadis yang mempunyai perawi yang dipermasalahkan.

Demikian lah laporan dari saudara gayat kita...

_____
zain y.s™

**********
Posted: Wed Feb 19, 2003 8:54 am Post subject: Re: Sembang-sembang tentang status hadis salat hajat
---
Pada posting yang lalu, kita telah dibentangkan dengan beberapa fatwa mengenai solat hajat. Namun yang kita akan beri tumpuan sekarang ialah fatwa yang menolak pensyariatan solat hajat. Di mana alasan mereka hadis yang menjadi dalil sunatnya solat hajat tidak boleh diterima. Kerana

mutu hadis berkenaan lemah/dha'if. Hadis begini tidak boleh dijadi sebagai hujah hukum atau asas pembinaan satu-satu hukum.

Hadis yang mereka maksudkan ialah hadis yang diriwayatkan oleh Ibnu Majah dan al-Tarmizi.

Hadis berkenaan terdapat di dalam kitab Sunan Ibnu Majah dan Sunan al-Tarmizi.

Sekarang ini kita lihat sendiri petikan langsung yang saya buat dari kitab-kitab berkenaan. Kemudian, kita lihat juga apa kritikan para ulama mengenai hadis ini. Kritikan ini nanti saya ambil langsung dari kitab yang memang khusus dalam bidang al-Jarah Wat Ta'dil.

Terjemahan Hadis berkenaan adalah:
Barangsiapa yang mempunyai suatu hajat dengan Allah atau hajat dengan sesiapa sahaja di kalangan anak Adam, dia hendaklah mengambil wudhu', kemudian menunaikan sembahyang dua rakaat, kemudian memuji Allah dan berselawat ke atas Nabi s.a.w. kemudian berdoa:

لا إِلَهَ إِلا اللَّهُ الْحَلِيمُ الْكَرِيمُ سُبْحَانَ اللَّهِ رَبِّ الْعَرْشِ الْعَظِيمِ الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ اللَّهُمَّ إِنِّي أَسْأَلُكَ مُوجِبَاتِ رَحْمَتِكَ وَعَزَائِمَ مَغْفِرَتِكَ وَالْغَنِيمَةَ مِنْ كُلِّ بِرٍّ وَالسَّلامَةَ مِنْ كُلِّ إِثْمٍ أَسْأَلُكَ أَلا تَدَعَ لِي ذَنْبًا إِلا غَفَرْتَهُ وَلا هَمًّا إِلا فَرَّجْتَهُ وَلا حَاجَةً هِيَ لَكَ رِضًا إِلا قَضَيْتَهَا لِي ثُمَّ يَسْأَلُ اللَّهَ مِنْ أَمْرِ الدُّنْيَا وَالآخِرَةِ مَا شَاءَ فَإِنَّهُ يُقَدَّرُ "

---

Berikut ini adalah petikan hadis dari kitab Sunan Ibnu Majah:

باب ما جاء في صلاة الحاجة

1384 حدثنا سويد بن سعيد ثنا أبو عاصم العباداني عن <u>فائد بن عبد الرحمن</u> عن عبد الله بن أبي أوفى الأسلمي قال خرج علينا رسول الله صلى الله عليه وسلم فقال ثم من كانت له حاجة إلى الله أو إلى أحد من خلقه فليتوضأ وليصل ركعتين ثم ليقل لا إله إلا الله الحليم الكريم سبحان الله رب العرش العظيم الحمد لله رب العالمين اللهم إني أسألك موجبات رحمتك وعزائم مغفرتك والغنيمة من كل بر والسلامة من كل إثم أسألك ألا تدع لي ذنبا إلا غفرته ولا هما إلا فرجته ولا حاجة هي لك رضا إلا قضيتها لي ثم يسأل الله من أمر الدنيا والآخرة ما شاء فإنه يقدر

**(Sunan Ibnu Majah, juz. hal. 441)**

---

Berikut ini pula adalah petikan dari kitab Sunan al-Tarmizi. Di dalamnya ada komen mengenai sanad hadis ini:

باب ما جاء في صلاة الحاجة

479 حدثنا علي بن عيسى بن يزيد البغدادي حدثنا عبد الله بن بكر السهمي وحدثنا عبد الله بن منير عن عبد الله بن بكر عن <u>فائد بن عبد الرحمن</u> عن عبد الله بن أبي أوفى قال قال رسول الله صلى الله عليه وسلم ثم من كانت له إلى الله حاجة أو إلى أحد من بني آدم فليتوضأ فليحسن الوضوء ثم ليصل ركعتين ثم ليثن على الله وليصل على النبي صلى الله عليه وسلم ثم ليقل لا إله إلا الله الحليم الكريم سبحان الله رب العرش العظيم الحمد لله رب العالمين أسألك موجبات رحمتك وعزائم مغفرتك والغنيمة من كل

بر والسلامة من كل إثم لا تدع لي ذنبا إلا غفرته ولا هما إلا فرجته ولا حاجة هي لك رضا إلا قضيتها يا أرحم الراحمين

قال أبو عيسى هذا حديث غريب وفي إسناده مقال فائد بن عبد الرحمن يضعف في الحديث وفائد هو أبو الورقاء
(**Sunan al-Tarmizi, juz. 2, hal. 344** )

Antara komen yang diberikan dalam kitab ini ialah: Abu Isa telah berkata, hadis ini gharib dan di dalam isnadnya terdapat maqal (kritikan), iaitu Fa'id bin Abdul Rahman yang di dha'if di dalam hadis. Fa'id ialah Abul Warqa'.

---

Sekarang cuba perhatikan nama yang saya gariskan pada hadis di atas. Ia adalah nama salah seorang periwayat hadis, iaitu Fa'id bin Abdul Rahman.

Mari kita lihat pula apa pandangan ulama hadis mengenai Fa'id (petikan dua kitab):

---

Berikut ini pula adalah petikan dari kitab Al-Dhu'afa' Wal Matrukin:

2692 فائد بن عبد الرحمن أبو الورقاء الكوفي العطار يروي عن ابن أبي أوفى قال أحمد والنسائي متروك الحديث وقال يحيى ليس بثقة وقال مرة ضعيف وكذلك الدارقطني وقال الرازي ذاهب الحديث لا يكتب حديثه وقال البخاري منكر الحديث وقال أبو زرعة لا يشتغل به وقال ابن حبان لا يجوز الاحتجاج به.
**(Al-Dhu'afa' Wal Matrukin Li Ibni Jauzi, juz. 3 hal. 3)**

Secara ringkasnya mengenai Fa'id bin Abdul Rahman:
1. Kata Ahmad dan al-Nasa'i: Matruk
2. Kata Yahya: Tidak boleh dipercayai. Adakalanya dia kata: Dha'if.
3. Al-Daruquthni juga berkata begitu.
4. Kata Al-Razi: Hadisnya tak dapat ditulis.
5. Kata al-Bukhari: Hadis riwayatnya munkar.
6. Kata Abu Zur'ah: Tidak dapat digunakan.
7. Kata Ibnu Hibban: Tidak boleh digunakan untuk berhujah.

---

Berikut ini adalah petikan dari kitab Kitab al-Jarah Wat Ta'dil:

475 فائد بن عبد الرحمن أبو الورقاء العطار روى عن عبد الله بن أبى أوفى ومحمد بن المنكدر روى عنه حماد بن سلمة ومروان بن معاوية ومخلد بن يزيد ومكي بن إبراهيم سمعت أبى يقول ذلك نا عبد الرحمن انا عبد الله بن احمد بن محمد بن حنبل فيما كتب الى قال سئل أبى عن فائد أبي الورقاء فقال متروك الحديث نا عبد الرحمن قال قرئ على العباس بن محمد الدوري قال سمعت يحيى بن معين يقول أبو الورقاء اسمه فائد ليس بثقة وليس بشيء حدثنا عبد الرحمن قال سمعت أبى وأبا زرعة يقولان فائد أبو الورقاء لا يشتغل به سمعت أبى يقول فائد ذاهب الحديث لا يكتب حديثه وكان ثم مسلم بن إبراهيم عنه فكان لا يحدث عنه وكنا لا نسأله عنه وأحاديثه عن بن أبى أوفى بواطيل

لا تكاد ترى لها أصلا كأنه لا يشبه حديث بن أبى أوفى ولو أن رجلا حلف ان عامة حديثه كذب لم يحنث

**(Kitab al-Jarah Wat Ta'dil, juz. 7, hal. 83.)**

Isinya sama seperti kitab Al-Dhu'afa' Wal Matrukin.

---

Fa'id bin Abdul Rahman seorang yang dikatakan sebagai begitu dan begini. Maka dengan adanya dia di dalam rantaian periwayat hadis solat hajat ini maka status hadis ini menjadi dha'if. Natijahnya, hadis ini tidak dapat digunakan sebagai landasan hukum.

---

Hadis ini dibawakan oleh Dr Wahbah al-Zuhaili di dalam al-Feqh al-Islami sebagai hujah mazhab-mazhab yang mengatakan bahawa solat hajat disyariatkan.

Di dalam kitab al-Targhib Wat Tarhib, ada di bawa hadis-hadis lain. Saya tidak pasti status hadis berkenaan.

Manakala di dalam al-Feqhus Sunnah juga dibawakan hadis lain (bukan hadis di atas). Kita perlu semak dalam kitab tamamul Minnah al-Albani.

Saya disarankan oleh seorang yang bijak laksana tak terperi agar mengarahkan Tuan Haji membuat semakan pada kitab Tamamul Minnah. saya tak ada kitab tuu.. :(

Mungkin lain kali sahaja kita sembang-sembang tentang keadaan dalil-dalil lain yang digunakan untuk solat hajat.

_____
zain y.s™

**********

Posted: Wed Feb 19, 2003 9:19 am  Post subject: Re: Sembang-sembang tentang status hadis salat hajat

---

Sambung sikit lagi..... :D

---

Berikut ini adalah hadis yang digunakan oleh syeikh Syed Sabiq di dalam Feqhus Sunnah (warnakan sikit ler):

روى أحمد بسند صحيح عن أبي الدرداء أن النبي صلى الله عليه وسلم قال : من توضأ فأسبغ الوضوء ، ثم صلى ركعتين يتمهما أعطاه الله ما سأل معجلا أو مؤخرا

Maksudnya:

*Barangsiapa yang berwudhu' dan menyempurnakannya, kemudian bersolat dua rakaat dengan sempurna, maka dia diberi Allah apa sahaja yang diminta, samada cepat ataupun lambat*. **(HR Ahmad)**

Menurut dakwaan syeikh syed Sabiq, bahawa hadis ini diriwayatkan dengan sanad yang sahih.

Manakala Syeikh al-Albani pula mengatakannya sebagai dha'if. Cuba lihat:

قوله روى أحمد بسند صحيح عن أبي الدرداء أن النبي صلى الله عليه وسلم قال : من توضأ فأسبغ الوضوء ، ثم صلى ركعتين يتمهما أعطاه الله ما سأل معجلا أو مؤخرا .

قلت : أنى له الصحة وفي سنده رجل مجهول ؟ ... وراجع الميزان واللسان ومجمع الزوائد . لذلك فالحديث ضعيف .
(تمام المنة في التعليق على فقه السنة)

Albani beri komen: Hadis ini dha'if kerana terdapat seorang yang majhul/tidak dikenali.

Beliau memberi rujukan kitab al-Mizan, al-Lisan dan Majma' Zawa'id.

Nanti kita cari betul tak apa yang syeikh al-Albani katakan.

Sekian,

_____
zain y.s™

**********
Posted: Thu Feb 20, 2003 9:18 am Post subject: Re: Sembang-sembang tentang status hadis salat hajat
---

Hadis kedua untuk solat hajat adalah hadis riwayat Imam Ahmad. Syed sabiq dalam feqhus sunnahnya mengatakan sanadnya sebagai sahih.

Ini dinafikan oleh syeikh al-Albani dalam Tamamul Minnah.
---
Persoalannya, apakah benar dakwaan syeikh al-Albani?

Berikut ini adalah petikan hadis berkenaan dari Musnad Imam Ahmad:
ميمون يعنى أبا محمد المرائي u> حدثنا عبد الله حدثني أبي ثنا محمد بن بكر قال ثنا قال ثنا يحيى بن أبي كثير عن يوسف بن عبد الله بن سلام قال ثم صحبت أبا u/> التيمي الدرداء أتعلم منه فلما حضره الموت قال آذن الناس بموتي فآذنت الناس بموته فجئت وقد ملئ الدار وما سواه قال فقلت قد آذنت الناس بموتك وقد ملئ الدار وما سواه قال أخرجوني فأخرجناه قال أجلسوني قال فأجلسناه قال يأيها الناس اني سمعت رسول الله صلى الله عليه وسلم يقول من توضأ فاسبغ الوضوء ثم صلى ركعتين يتمهما أعطاه الله ما سأل معجلا أو مؤخرا قال أبو الدرداء يا أيها الناس إياكم والالتفات فإنه لا صلاة للملتفت فان غلبتم في التطوع فلا تغلبن في الفريضة
(**Musnad Ahmad, juz. 6, hal. 442**)

(Terjemahannya lihat pada posting yang lalu).
---
Syeikh al-AlBani mengatakan bahawa di dalam sanadnya terdapat seorang yang majhul/tidak dikenali.

Syeikh guna rujukan kitab Majma' al-Zawa'id.

Cuba kita lihat apa yang kitab ni kata:
صلاة الحاجة

عن يوسف بن عبد الله بن سلام قال صحبت أبا الدرداء أتعلم منه فلما حضره الموت قال آذن الناس بموتي فآذنت الناس بموته فجئت وقد ملء الدار وما سواه قال أخرجوني فأخرجناه قال فأجلسوني فأجلسناه فقال يا أيها الناس إني سمعت رسول الله صلى الله عليه وسلم يقول من توضأ فأسبغ الوضوء ثم صلى ركعتين يتمهما أعطاه الله عز وجل ما سأل معجلا أو مؤخرا قال أبو الدرداء إياكم والإلتفات في الصلاة فإنه لا صلاة لملتفت فإن غلبتم في التطوع فلا تغلبن في الفرائض رواه أحمد والطبراني في الكبير وفيه ميمون ابو محمد قال الذهبي لا يعرف

**(Majma' al-Zawa'id, Ali bin Abi Bakar al-Haitsami, juz. 2, hal. 278)**

Penulis buku ini, al-Haitsami mengatakan:

وفيه ميمون ابو محمد قال الذهبي لا يعرف

Ertinya: Di dalam hadis ini terdapat Maimun Abu Muhamad. Al-Zahabi berkata, dia tidak dikenali.

Cuba lihat dalam sanad hadis yang saya petik dari Musnad Ahmad. Ada nama yang saya gariskan. Itulah dia Maimun yang dikatakan majhul atau tidak dikenali.

Berdasarkan kritikan terhadap sanad hadis ini seperti di atas, maka hadis ini tidak lagi bertaraf sahih.

---

Selesai pembahasan dua hadis tentang solat hajat.

Nanti kita akan bawakan pula hadis-hadis lain tentang solat hajat. Dan kita akan cuba lihat apa nilaian ulama-ulama hadis mengenainya.

Sekian, wassalam

_____

zain y.s™

**********

Posted: Thu Feb 27, 2003 10:28 pm  Post subject: kritik hadis???

---

Assalamulaikum,

Tajuk Soalan: kitab fadhailul a`mal

Soalan: kitab fadhailul a`mal sememangnya begitu dikenali dan sering digunakan oleh jemaah tabligh, dan telah diterjemah kedalam pelbagai bahasa termasuk melayu, inggeris dan urdu. Masalahnya baru-baru ini saya telah mendengar daripada sahabat saya yang berkata bahawa terdapat hadith yang daif dan maudu` di dalam kitab tersebut. Saya ingin mendapatkan kepastian ustaz berkaitan perkara ini dan diharapkan ustaz dapat memberikan penjelasan yang secukupnya .

Terima kasih buat ustaz yang sudi membaca soalan ini
Sekian, wassalam.....

Jawapan: Ya memang terdapat banyak hadith daif dan maudu' di dalam kitab fadhailul a`mal yang digunakan oleh jemaah tabligh, pada pandangan saya banyak lagi hadith hadith yang soleh yang boleh digunakan di dalam kitab kitab hadith sebagai amal yang mana ianya boleh dilakukan oleh semua orang islam, bukan seperti hadith daif kerana ianya boleh dilakukan oleh kita sahaja, malah jika terdapat hadith soheh outomatik hadith daif tersebut ditolak apatah lagi jika hadith maudu' kerana ia berdasarkan takrifnya bahawa ia adalah hadith yang direka oleh sesorang demi untuk kepentingan dirinya atau gurunya dll.

Inilah cara ulasan yang tidak bertanggungjawab dan tidak menghormati status 'syaikhul-hadith' yang ditanggung oleh Maulana Muhammad Zakariyya (rah.a.), ulasan yang jauh daripada adab keilmuan apatah lagi adab menghormati ulamak.

Jika dikatakan sebagai dhaif, sememangnya saya boleh terima, malah Hadrat Maulana Zakariyya rah.a. sendiri menyatakannya di dalam ulasan mengenai riwayah atau dirayahnya sesuatu hadith itu. malangnya, ulasan tersebut di dalam bhasa Arab ( yakni, selepas sahaja matan sesuatu hadith) dan ulasan tersebut tidak diterjemahkan. Saya menjadi ragu, adakah Ustaz tersebut pernah meneliti sendiri buku Fadhailul A'maal tersebut?

Jika benar ada yang maudhuk, sila nyatakan, kitab fadhilat mana, hadith ke berapa? Sebenarnya, Maulana Zakariyya sendiri telah menjawab dan memberikan keterangannya terhadap tuduhan-tuduhan berkenaan hadith maudhu'ini di dalam sebuah buku yang tersendiri. Sila dapatkan terjemahannya di kedai-kedai buku di Markaz Sri Petaling. Ilmu perlu dijawab dengan ilmu dan oleh orang yang berilmu, jangan didasarkan atas waham dan prasangka.

oleh itu bagi saya gunakanlah hadith yang soheh yang terdapat didalam kitab kitab yang telah disusun oleh imam imam hadith seperti bukhari, muslim abu daud, termizi, ibnu majah dan sebagainya sebagai sumber yang diperakui utuk melakukan amal.

wallahu'lam

Dijawab Oleh: Ustaz Ali Sobri
(Sumber: http://www.masjiduniversiti.org/webmasjid.php?tag=soal_jawab&mid=202)

Satu lagi contoh jawapan yang tidak berteraskan disiplin keilmuan hadith yang mantap. Di dalam kitab abi daud, termizi, ibnu majah (hanya menyebut nama kitab yang Ustaz tersebut sebutkan) juga terdapat hadith-hadith dhaif, malah adakalanya dhaif peringkat yang begitu lemah sekali. So macamana?

Malah jika dilihat di dalam Bukhari dan Muslim sendiri, terdapat hadith-hadith yang dibawa sebagai ta'liiq kepada hadith 'bab'. Dan hadith-hadith ta'liiq ini bukan semuanya sahih. Kenapa Imam Bukhari gunakan juga?

Bagi seorang ulamak yang mampu menghasilkan karya setinggi kitab 'Awjaazul-Masaalik', hanya kecetekan seseorang di dalam dunia kelimuan hadith saja yang tidak tahu menghormati kedudukannya.

Sebagaimana adanya 'ustaz'-‘ustaz’ masakini yang lancang mengkritik Al-Imam Al-Ghazali rah.a. dan karya 'Ihya Ulumuddin'nya.

Wallahul-musta'an.
wassalam.

**********
Posted: Fri Feb 28, 2003 8:02 am Post subject: Re: Sembang-sembang tentang status hadis salat hajat
---
Mungkin ini edisi terakhir mengenai solat hajat.
---
Saya telah memeriksa secara sepintas lalu sebahagian kitab-kitab feqh dari 4 mazhab tentang solat hajat.

Berikut ini adalah antara kitab yang mengatakan hukum solat hajat adalah sunnah:
1. Majmu', al-Nawawi, juz 4, hal. 60 – Mazhab al-Syafi'i
2. Mughnil Muhtaj, juz 1, hal.225 – Mazhab al-Syafi'i
3. Al-Mughni, Ibnu Qudamah, juz 1, hal. 438 – Mazhab Hanbali
4. Al-Syarhul Kabir, juz 1, hal 314 – Mazhab Maliki
5. Hasyiah Ibnu Abidin, juz 2, hal. 28 – Mazhab Hanafi
---
Sekarang kita lihat pula apa yang tercatat di dalam kitab-kitab di atas mengenai solat hajat:
Hanbali:

فصل في صلاة الحاجة

عن عبد الله بن أبي أوفى قال قال رسول الله صلى الله عليه وسلم من كانت له إلى الله حاجة أو إلى أحد من بني آدم فليتوضأ وليحسن الوضوء ثم ليصلي ركعتين وليثن على الله تعالى وليصلي على النبي صلى الله عليه وسلم ثم ليقل لا إله إلا الله الحليم الكريم لا إله إلا الله العلي العظيم سبحان الله رب العرش العظيم الحمد لله رب العالمين أسألك موجبات رحمتك وعزائم مغفرتك والغنيمة من كل بر والسلامة من كل إثم لا تدع لي ذنبا إلا غفرته ولا هما إلا فرجته ولا حاجة هي لك رضا إلا قضيتها يا أرحم الراحمين رواه الترمذي وقال حديث غريب

**(Al-Mughni, Ibnu Qudamah, juz 1, hal. 438)**

Komen: Di dalam al-Mughni sebagaimana yang tercatat di atas telah menggunakan hadis riwayat al-Tarmizi yang dha'if. Kitab ini tidak menyatakan hadis-hadis selain itu.

Mazhab Al-Syafi'i:

صلاة الحاجة

عن ابن أبي أوفي رضي الله عنهما قال قال رسول الله صلى الله عليه وسلم كانت له حاجة إلى الله تعالى أو أحد من بني آدم فليتوضأ فليحسن الوضوء ثم ليصل ركعتين، ثم ليثن على الله عز وجل وليصل على النبي صلى الله عليه وسلم ثم ليقل لا إله إلا الله الحليم الكريم سبحان الله رب لعرش العظيم الحمد لله رب العالمين أسألك موجبات رحمتك وعزائم مغفرتك والغنيمة من كل بر والسلامة من كل إثم لا تدع لي ذنباً إلا غفرته ولا هما إلا فرجته ولا حاجة هي لك رضاً إلا قضيتها يا أرحم الراحمين» رواه الترمذي وضعفه

**(Majmu', al-Nawawi, juz 4, hal. 60)**

Komen: Al-Nawawi juga menyatakan dalil dari hadis al-Tarmizi. Dan, al-Nawawi menukilkan sekali pendapat al-Tarmizi bahawa hadis berkenaan adalah dha'if.

وركعتا الحاجة وركعتا التوبة
**(Mughnil Muhtaj , juz 1, hal.225)**

Komen: Kitab mazhab al-Syafi'I ini adalah syarah dari karya al-Nawawi, Minhaj al-Tholibin. Tidak disebutkan dalilnya. Cuma dinyatakan antara solat sunnah adalah dua rakaat solat hajah.

Hanafi:
وأربع صلاة الحاجة
قيل وركعتان وفي الحاوي أنها اثنا عشرة بسلام واحد وبسطناه في الخزائن
وتفرض القراءة عملا في ركعتي الفرض مطلقا أو تعيين الأوليين فواجب
**(Al-Durr al-Mukhtar, vol 2, hal. 28)**

Di dalam kitab di atas menyatakan beberapa pendapat ulama tentang bilangan rakaat solat hajat. Ada yang mengatakan dua rakaat dan ada yang menyatakan 12 rakaat. Disebutkannya juga rujukan kitab-kitab lain mengenai pembahasan lanjut solat hajat, seperti kitab al-Hawi dan al-Khaza'in. Saya tidak ada sumber tentang dua kitab ini. Dan kitab ini tidak menyatakan dalil tentang solat hajat.

Hanafi:
صلاة الحاجة
قوله وأربع صلاة الحاجة الخ قال الشيخ إسماعيل ومن المندوبات صلاة الحاجة ذكرها في التجنيس والملتقط وخزانة الفتاوى وكثير من الفتاوى والحاوي وشرح المنية أما في الحاوي فذكر أنها ثنتا عشرة ركعة وبين كيفيتها بما فيه كلام وأما في التجنيس وغيره فذكر أنها أربع ركعات بعد العشاء وأن في الحديث المرفوع يقرأ في الأولى الفاتحة مرة وآية الكرسي ثلاثا وفي كل من الثلاثة الباقية يقرأ الفاتحة والإخلاص والمعوذتين مرة مرة كن له مثلهن من ليلة القدر قال مشايخنا صلينا هذه الصلاة فقضيت حوائجنا مذكور في الملتقط والتجنيس وكثير من الفتاوى كذا في خزانة الفتاوى

وأما في شرح المنية فذكر أنها ركعتان والأحاديث فيها مذكورة في الترغيب والترهيب كما في البحر وأخرج الترمذي عن عبد الله بن أبي أوفى قال قال رسول الله من كانت له إلى الله حاجة أو إلى أحد من بني آدم فليتوضأ وليحسن الوضوء ثم ليصل ركعتين ثم ليثن على الله تعالى وليصل على النبي ثم ليقل لا إله إلا الله الحليم الكريم سبحان الله رب العرش العظيم الحمد لله رب العالمين أسألك موجبات رحمتك وعزائم مغفرتك والغنيمة من كل بر والسلامة من كل إثم لا تدع لي ذنبا إلا غفرته ولا هما إلا فرجته ولا حاجة هي لك رضا إلا قضيتها يا أرحم الراحمين ا ه

أقول وقد عقد في آخر الحلية فصلا مستقلا لصلاة الحاجة وذكر ما فيها من الكيفيات والروايات والأدعية وأطال وأطاب كما هو عادته رحمه الله تعالى فليراجعه من أراده خاتمة ينبغي للمسافر أن يصلي ركعتين في قبل أن يباع كما كان يفعل نص عليه الإمام

السرخسي في شرح السير الكبير وذكر أيضا أنه إذا ابتلى المسلم بالقتل يستحب أن يصلي ركعتين يستغفر الله تعالى بعدهما ليكون آخر عمله الصلاة والاستغفار
**(Hasyiah Ibnu Abidin, juz 2, hal. 28)**

Komen: Ini juga adalah kitab mazhab Hanafi. Seperti kitab Hanafi di atas, di sini disebutkan juga perselisihan di kalangan mereka tentang bilangan rakaat. Ada yang sebut 12 rakaat. 4 rakaat dan 2 rakaat.

Kitab ini mengemukakan dalil dari hadis riwayat al-Tarmizi. Selain dari hadis ini, kitab ini menyatakan bahawa terdapat beberapa hadis lain mengenai solat hajat di dalam kitab al-Targhib wat Tarhib. Hadis-hadis dari kitab ini telah saya nyatakan dalam tulisan saya yang lalu.

Maliki:
ثم الخروج للسفر وعند القدوم منه وعند دخول المسجد وعند الخروج منه والاستخارة والحاجة وبين الأذان والإقامة
**(Al-Syarhul Kabir, juz 1, hal 314)**

Komen: Kitab bermazhab Maliki ini tidak menyatakan dalil solat hajat. Cuma dikatakan sebagai sunnah sahaja.
---
Kita telah membentangkan dengan panjang lebar mengenai solat hajat ini. Kita juga telah menyatakan pendapat dua aliran. Aliran 1 mengatakan ia tidak disyariatkan. Aliran 2 yang mengatakan ia adalah sunnah.

Selain dari itu, kita telah meneliti serba sedikit di sekitar dalil yang menjadi asas hukum sunnahnya solat hajat.

Dari sedikit penelitian yang kita telah lakukan, maka dapatlah kita nyatakan sebagai berikut:
1. Hadis riwayat al-Tarmizi merupakan hadis yang cukup popular yang dikemukakan oleh para fuqahak di dalam kitab-kitab mereka.

Dan, al-Tarmizi yang meriwayatkan hadis ini sendiri telah menyatakan ia sebagai dha'if. Manakalah kebanyakan ulamak yang menggunakan hadis ini juga menukilkan sekali pandangan al-Tarmizi tentang kedha'ifan hadis ini.

2. Mengenai hadis al-Tarmizi lagi.. Saya telah melihat catatan di dalam nota kaki kitab al-Azkar imam al-Nawawi tentang hadis ini. Catatan ini seolah-olah mahu memperkukuh atau memperkuatkan kedudukan hadis al-Tarmizi yang dhaif itu. Atau secara mudahnya, catatan itu mahu mengatakan, sekalipun hadis riwayat al-Tarmizi itu dha'f namun masih boleh diguna pakai sebagai hujah kerana ada hadis-hadis lain sebagai pengukuh. Menurut catatan kaki itu: "*Tetapi baginya (hadis al-Tarmizi yang dha'if itu) mempunyai shahid dari hadis Anas di sisi al-Thabrani dengan sanad yang dha'if. Dan hadis Anas ini pula mempunyai jalan lain (Thuruq Ukhro) di dalam Musnad al-Firdaus dan sanadnya juga dha'if, sebagaimana pendapat al-Hafiz di dalam Takhrij al-Azkar*." **(Rujukan Al-Azkar, hal. 156)**

Dengan kenyataan ini timbul 2 persoalan:
i. Apakah hadis al-Tarmizi ini dapat diangkat menjadi hadis Hasan Li-Ghairih kerana wujud shahid periwayatan dari jalan lain yang juga bertaraf dha'if.
ii. Apakah boleh, hadis dha'if ini dijadikan sebagai hujah untuk perkara sunat seperti solat hajat.

Dua persoalan di atas dapat dijawab dengan satu penjelasan khusus yang panjang lebar.

3. Di dalam al-Azkar ini juga ada menyebutkan hadis lain, iaitu juga dari riwayat al-Tarmizi dan Ibnu Majah:

Ertinya: Daripada Saidina 'Utsman Bin Hanif r.a menyatakan: "Pernah ada seorang lelaki buta yang datang menemui Baginda Rasulullah s.a.w lalu berkata : "*Doakanlah saya wahai Rasulullah agar disembuhkan saya (daripada buta mata)*." Sabda Baginda s.a.w menjawab: "*Jika kau suka untuk bersabar engkau akan dapati pahalanya di atas kesabaranmu (di atas penyakitmu itu), ataupun boleh juga kalau kau hendak sekarang, aku akan mendoakan engkau sekarang (supaya sembuh serta-merta).*" Kata lelaki itu: "*Doakanlah untukku sekarang*." Lalu Baginda Rasulullah s.a.w pun menyuruhnya agar mengambil air sembahyang dan mengambilnya dengan sebaik-baiknya, lalu mengerjakan solat dua rakaat. Kemudian dia berdoa (ertinya): "*Ya Allah Ya Tuhanku! Aku berdoa dan bermunajat kepada-Mu dengan Muhammad; Nabi yang membawa rahmat. Wahai Muhammad! aku telah pun berdoa kepada Allah dengan perantaraanmu demi dikabulkan hajatku ini. Ya Allah! Berilah syafaat (Baginda Rasulullah s.a.w) kepadaku*." – Imam Abu Ishaq (rh) mengatakan bahawa Hadist ini adalah sahih.

Menurut al-Tarmizi, hadis ini berstatus Hasan Shahih.

Al-Albani juga berpendapat bahawa hadis ini Shahih.
(Rujukan: http://arabic.islamicweb.com/Books/albani.asp?id=3143 )

Nampaknya al-Nawawi telah menggunakan hadis ini sebagai hadis untuk solat hajat.

Begitu juga dengan al-Munziri dalam al-Targhib wat Tarhib. **(Al-Targhib Wat Tarhib, al-Munziri, juz. 1, hal. 272-275)**

Jadi, dengan sahihnya hadis Usman bin Hanif ini, maka asas hukum untuk solat hajat sudah ada dasarnya. Jika kita andaikan ada ulama lain yang menyatakan bahawa sanad hadis ini dha'if, namun kita masih boleh lagi berpegang kepada ijtihad ulama lain yang berpendapat bahawa sanad hadis ini adalah shahih.

4. Dalam Feqhus Sunnah, syed Sabiq telah mengemukakan hadis solat hajat dari riwayat Imam Ahmad. Namun al-Albani mengatakannya sebagai dho'if. Katanya, bagaimana mungkin hadis ini dianggap dhaif sedangkan di dalam sanadnya ada rawi yang majhul/tidak dikenali.

Sekian,

_____
zain y.s™

CD offline al-ahkam, page 1:
http://al-ahkam.net/home/upload/dl/solat_hajat/al-ahkam_net%20%20View%20topic%20-%20Salah%20al-haajah-1.htm

**********
Posted: Fri Feb 28, 2003 3:12 pm  Post subject: Re: Sembang-sembang tentang status hadis salat hajat
---
Huih..lihatlah betapa dedikasinya webmaster kita dalam melakukan tanggungjawabnya. :feewiit Kita harap usaha-usahanya dihargai oleh semua yang melayari website ini. Bukannya senang nak jadi cam sifu. Kerajinan dan ketekunannya akan saya jadikan sebagai pembina semangat dan pembimbingku. :bleh

Apa kata sumer nih disusun sket pastuh dimasukkan dalam ruangan artikel. Kira sebagai rujukan la. ;)

_____
Ditulis/Disusun oleh
g@y@t

**********
Posted: Fri Feb 28, 2003 8:50 pm Post subject: Re: Sembang-sembang tentang status hadis salat hajat
---
Quote:
Huih..lihatlah betapa dediaksi nya webmaster kita dalam melakukan tanggungjawabnya. Kita harap usaha2nya dihargai oleh semua yang melayari website ini. Bukannya senang nak jadi cam sifu. Kerajinan dan ketekunannya akan saya jadikan sebagai pembina semangat dan pembimbingku.

Sebuah posting yang amat mengharukan dari abang gayat. Kerana cukup terharu, sampai melinangkan air mata... :bash

Quote:
Apa kata sumer nih disusun sket pastuh dimasukkan dalam ruangan artikel. Kira sebagai rujukan la.

Apa yang dicadangkan tu memang dalam perencanaan. Insyaallah kita akan susun semula dan diletakkan di ruangan yang agak berwibawa sikit.

_____
zain y.s™
**********
Posted: Mon Mar 03, 2003 6:45 am Post subject: Re: Sembang-sembang tentang status hadis salat hajat
---
Ada penambahan yang cukup bagus tentang solat hajat. Iaitu analisa yang telah dibuat oleh ustaz Abdul Qadir Hasan (anak A.Hasan Bandung):

SHALAT HAJAT

SOAL:
Adakah Rasulullah saw. mengerjakan shalat Hajat? Kalau ada bagaimana caranya?

JAWAB:
Tentang Shalat Hajat itu, ada dua-tiga Hadiets yang dijadikan pegangan. Di antara Hadiets-hadiets itu, ada satu Hadiets yang dapat dipakai. Berikut ini, saya bawakan 3 macam riwayat bersama keterangan masing-masing.

PERTAMA: Dari Abdillah bin Abi Aufaa A1-Aslamiy, ia berkata:
Artinya: Rasulullah saw. keluar menemui kami (=shahabat-shahabat), lalu ia bersabda: barangsiapa mempunyai hajat dari Allah, atau dari salah seorang makhluknya, hendaklah ia berwudhu, lalu shalat dua rak'at, kemudian hendaklah ia membaca (yang artinya): "*Tidak ada Tuhan yang sebenarnya melainkan Allah, Penyabar lagi Pemurah, Maha Suci Allah, Tuhan bagi Arsy yang besar. Sekalian pujian bagi Allah, Pengurus sekalian alam. Ya Allah! sesungguhnya aku minta pada-Mu ketentuan rahmat-Mu dan kepastian keampunan-Mu, dan faedah dari tiap-tiap kebaikan, dan keselamatan dan tiap-tiap kebaikan, dan keselamatan dari tiap-tiap dosa, aku mohon kepada-Mu supaya tidak Engkau biarkan dosa padaku, melainkan hendaklah Engkau*

*mengampuninya, dan tidak suatu kebimbangan. melainkan hendaklah Engkau hilangkan, dan tidak hajat yang Engkau ridhai melainkan hendaklah Engkau tunaikan dia kepadaku)*", kemudian (sabda Nabi saw.): "*Boleh ia minta kepada Allah urusan dunia dan akhirat apa-apa yang ia kehendaki, karena itu akan ditentukan*."

KETERANGAN:
1. Hadiets ini, diriwayatkan oleh Ibnu Majah, Hadiets No.1384, Turmudziy, H.No.477, tersebut dalam kitab Tuhfatudz-dzakirin 138, dalam kitab al-Fawa-idul-Majmu'ah, halaman 38, As-Sunan wal Mubtada'aat 76, Al-La-aali-ul-Mashnu'ah 2:46. Kata Imam Suyuthiy: diriwayatkan juga oleh: Al-Hakim Ibnu-Najjar, AthThabaraniy, Ad-Dailamiy.

2. Hadiets yang diriwayatkan oleh Imam-imam tersebut, dalam sanadnya (=orang-orang yang menceritakan), ada yang bernama:
(1) Faa-id bin Abdirrahman,
(2) Ada yang bernama Abu Ma'mar 'Abbad bin-Abdish-shamad,
(3) Ada yang bernama Abu Hasyim Katsier bin Abdillah,
(4) Ada yang bernama Abaan bin Abie 'Ayyasy. Semua ini rawi-rawi lemah yang riwayatnya tidak dapat diterima. Jelasnya begini:

a. FAA-ID: Kata Turmudziy: Faa-id dilemahkan orang dalam meriwayatkan Hadiets. Kata Ahmad: "*Dia ditinggalkan ulama*." Kata Bukhariy: "*Dia orang yang diingkari Hadietsnya*".
b. ABU MA'MAR: Seorang rawi yang lemah sekali. Dilemahkan oleh Bukhariy, Ibnu Hibban, 'Uqailiy, Abu Hatim dan Ibnu Adiy. Kata Ibnu Hibban: Dia ada meriwayatkan dari Anas satu nuskhah, kebanyakannya palsu.
c. ABU HASYIM: Dilemahkan oleh Bukhariy, Nasaaiy, Daraquthniy dan Abu Hatim. Kata Bukhariy: "*Dia orang yang diingkari Hadietsnya*."
d. ABAAN: Dilemahkan oleh: Syu'bah Ahmad, Waki', Yahya bin Ma'ien, Abu Is-haaq, Nasaaiy Abu 'Awanah dan lain-lain. Kata Nasaiy: Dia seorang yang ditinggalkan Hadietsnya. Syu'bah pernah berkata: Seseorang berzina itu, lebih baik daripada ia meriwayatkan (Hadiets) dari Abaan.

3. Karena kelemahan-kelemahan tersebut, maka Hadiets shalat Hajat tersebut tidak dapat dipakai.

4. Ditentang Shalat Hajat ini, Syaukaniy berkata: Tentang Shalat Hajat, ada beberapa (macam-macam) lafazh dan shifatnya, semuanya lemah, kecuali Hadiets Abud-Dardaa' dan Hadiets lbnu Abi Aufa yang tersebut. (Al-Fawaaidul-Majmu'ah 41).

(Sebenarnya Hadiets Riwayat dari Abi Aufaa juga lemah sebagaimana tersebut di atas. Jadi yang dapat dipakai hanya satu Hadiets yaitu yang diriwayatkan dari jalan Abid-Dardaa').

HADIETS KEDUA: Dan Utsman bin Hunaif:
Artinya: bahwa seorang laki-laki buta datang kepada Nabi saw. lalu berkata: "*Do'akanlah kepada Allah untukku supaya Ia sembuhkan aku*." Sabda Nabi saw.: "*Kalau engkau suka, aku tunda (=tangguhkan) untukmu, dan itu lebih baik tetapi kalau engkau mau (juga), aku akan do'akan*" Kata orang itu: "*Do'akanlah*." Lalu Nabi saw. menyuruh dia berwudhu, lalu ia perbagus wudhu'nya dan shalat dua rak'at dan berdo'a dengan do'a ini: *Yaa Allah (yang artinya: Yaa Allah! Sesungguhnya aku minta pada-Mu dan aku menghadap pada-Mu dengan (perantaraan do'a) Muhammad, Nabi Rahmat, Yaa Muhammad! Sesungguhnya aku telah menghadap dengan (do'amu) kepada Tuhanku tentang hajatku ini supaya engkau laksanakan. Yaa Allah! Terimalah permohonannya untukku).*

KETERANGAN:
1. Hadiets ini, diriwayatkan oleh Ibnu Majah H. No.1385, Turmudziy H. No.3649, Ahmad 4:138, dan lain-lain. Tersebut dalam kitab As-Sunan wal-Mubtada'aat 77, Ibnu Khuzaimah H No.1219, Al-Ahaadietsudh-dha 'iefah wal-maudhu 'ah, oleh al-Al-Baaniy, jilid 1:30.

2. Hadiets ini oleh sebahagian ulama dijadikan dalil "*adanya hajat*".

3. Tentang derajat Hadiets itu: dalam Shahieh Ibnu Khuzaimah dikatakan Dr. Muh. Mush-thafa Al-A'zhamiy, bahwa sanadnya itu shahih. Abu Ishaaq dalam Sunan Ibnu Majah berkata: Ini adalah satu Hadiets yang shahih. Turmudziy berkata: Ini hadiets Hasan Shahih yang gharieb (=asing). Al-Hakim berkata bahwa Hadiets ini shahih. Tetapi oleh M.Rasyid Ridha diragu-ragukan keshahan hadiets tersebut karena dalam sanadnya ada seorang rawi bernama ABU JA'FAR, sedangkan yang bernama ABU JA'FAR ada banyak dan tidak diketahui yang mana sebenarnya di antaranya ada:

a. ABU JA'FAR Iesaa bin Ar-Raziy At-Taimiy: kalau ini, adalah dia seorang yang lemah.
b. ABU JA'FAR Muhammad bin, Ibrahim mu-adz-dzin: dia seorang rawi yang tidak kuat.

Dengan demikian dianggap Abu Ja'far seorang rawi yang tidak kenal (=majhul) Al-Iz Abdussalam dan Imam Shan'aniy juga ragu-ragu tentang keshahan Hadiets tersebut. (As-Sunan wal-Mubtada'aat).

4. Berdasarkan keterangan ini, maka Hadiets kedua ini pun tidak dapat dipakai sebagai pokok.

HADIETS KETIGA: Dari Abud-Dardaa', ia berkata:
Artinya: Saya pernah mendengar Rasulullah saw. bersabda: "*Barangsiapa berwudhu dengan membereskan, wudhunya, kemudian ia shalat dua rak'at dengan menyempurkannya, Allah akan beri kepadanya apa yang ia minta, dilekaskan atau dilambatkan*."

KETERANGAN:
1. Hadiets ini diriwayatkan oleh Imam Ahmad dengan 2 sanad: 6:443 dan 450. Ada juga diriwayatkan Bukhariy dalam kitab Tarikh, dan Thabaraniy. (Al-La-aaliu).

2. lnilah satu-satunya Hadiets yang shah, sebagaimana kata Imam Suyuthiy dalam kitabnya Al-La-aaliul Mashnu'ah 1:47.

3. Maka kalau kita mau shalat hajat, cukuplah kita berpegang kepada Hadiets riwayat Imam Ahmad ini.

4. CARANYA:

a. Berwudhu dengan beres, yaitu meratakan semua anggota wudhu supaya kena air.
b. Shalat dua rak'at seperti shalat Shubuh.
c. Di dalam shalat itu berdo'a.
d. Tempat berdo'a karena tidak ditentukan Nabi saw. maka boleh kita berdo'a dalam sujud, dan boleh juga sesudah Attahiyat sebelum salam.
e. Do'anya, karena tidak ditentukan Nabi saw. boleh kita atur sendiri menurut hajat kita dan dengan bahasa masing-masing. Cukup dengan perlahan-lahan.

5. Lain daripada tersebut, tidak ada satu pun riwayat shah yang membenarkannya.

(Rujukan: Kata berjawab, Abdul Qadir Hasan, vol 10, hal. 56 – 60)

zain y.s™

**********
Posted: Tue Jun 10, 2003 1:38 pm Post subject: Re: Sembang-sembang tentang status hadis salat hajat
---

Segala puji bagi Allah tuhan sekalian alam. Yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang. Yang menciptakan alam ini tanpa sedikit kecacatan. Yang menjadikan manusia dengan penuh sifatnya. Maha Besar Allah, Tuhan semesta alam. Selawat dan salam semoga terlimpah pada Rasul mulia, junjungan kita Nabi Muhammad SAW, keluarganya, sahabatnya, dan para penerusnya yang mengikuti mereka sehingga kiamat. Wahai orang Islam sekalian, takutlah akan Allah. Bertawakallah kepadaNya. Bersama-samalah kita saling ingat-mengingati ke arah kebenaran. Semoga tergolong di dalam golongan yang telah dijanjikan Allah kemuliaan di sisiNya. Insya Allah.

Pada kali, saya sebagai seorang yang telah diamanahkan akan membuat kesimpulan pada studi berkaitan solat hajat ini. Kesimpulan ini berdasarkan kepada kajian yang telah dibuat oleh pihak Al-Ahkam sepertimana yang boleh diteliti sendiri oleh pengunjung. Secara umumnya, kebolehan menunaikan solat hajat ini terbahagi kepada dua pendapat yakni satu menafikan kewujudannya manakala dua mengatakan ianya sunat.

Antara yang menolak solat hajat ini ialah, Sheikh Utsaimin, Sheikh Albani, Syeikh Muhamad Salleh al-Munajjid dan Fatawa al-Lujnah al-Da'imah. Manakala yang bersetuju ialah jumhur fuqaha' termasuk Imam Nawawi.

Berikut adalah himpunan segala nas dan dalil berkaitan isu ini. Kita akan melampirkan hadis-hadis bersertakan dengan komentar hadis-hadis tersebut.

***Hadis 1:***

قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مَنْ كَانَتْ لَهُ إِلَى اللَّهِ حَاجَةٌ أَوْ إِلَى أَحَدٍ مِنْ بَنِي آدَمَ فَلْيَتَوَضَّأْ فَلْيُحْسِنِ الْوُضُوءَ ثُمَّ لِيُصَلِّ رَكْعَتَيْنِ ثُمَّ لِيُثْنِ عَلَى اللَّهِ وَلْيُصَلِّ عَلَى النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ثُمَّ لِيَقُلْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ الْحَلِيمُ الْكَرِيمُ سُبْحَانَ اللَّهِ رَبِّ الْعَرْشِ الْعَظِيمِ الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ أَسْأَلُكَ مُوجِبَاتِ رَحْمَتِكَ وَعَزَائِمَ مَغْفِرَتِكَ وَالْغَنِيمَةَ مِنْ كُلِّ بِرٍّ وَالسَّلَامَةَ مِنْ كُلِّ إِثْمٍ لَا تَدَعْ لِي ذَنْبًا إِلَّا غَفَرْتَهُ وَلَا هَمًّا إِلَّا فَرَّجْتَهُ وَلَا حَاجَةً هِيَ لَكَ رِضًا إِلَّا قَضَيْتَهَا يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ

Maksudnya: Baginda Rasulullah s.a.w pernah bersabda: "*Barangsiapa yang berhajat kepada Allah, ataupun dia berhajat kepada pertolongan manusia, maka hendaklah dia berwudhuk, lalu disempurnakan wudhuk itu sebaik-baiknya. Kemudian, hendaklah dia melakukan 2 rakaat sembahyang. Selepas itu, hendaklah dia memperbanyakkan memuja-muji Allah, berselawat ke atas Nabi-Nya s.a.w. Kemudian membaca doa (yang ertinya): Tidak ada sama sekali Tuhan yang layak disembah melainkan Allah Yang Maha Lembut Lagi Maha Mulia. Maha Sucilah Tuhan Yang Mempunyai 'Arasy yang sangat besar. Segala puja-puji hanyalah untuk Allah; Tuhan sekalian alam. Aku bermohon pada-Mu (Ya Allah) perkara-perkara yang boleh mendatangkan rahmat-Mu, sebab-sebab pengampunan-Mu diberikan kepada hamba-hamba-Mu , Kejayaan dari setiap jenis kebajikan, keselamatan dari setiap dosa. (Ya Allah!) Janganlah dibiarkan adanya sebarang dosa (kami) melainkan Engkau ampuninya. Janganlah pula dibiarkan adanya sebarang kesusahan melainkan Engkau lepaskan kami daripadanya. Dan tidaklah kami juga bermohon segala jenis keperluan yang Engkau redhainya melainkan Engkau tunaikanlah segala hajat kami wahai Tuhan Yang Terlalu Pemurah daripada selain-Nya*" **[Hadist diriwayatkan oleh Al-Imam Ibnu At-Tirmidizi r.h , Al-Imam Ibnu Majah .rh dan Al-Imam al-Mundziri rh]**

Komentar

Imam Busoiri rh mengatakan hadis ini dhaif kerana di dalam sanadnya terdapat seorang yang bernama Faid Bin 'Abdul Rahman yang dikenali juga sebagai Abu al-Waraqa' dan dia adalah seorang yang lemah. Sheikh Albani mengatakan ia dhaif jiddan. Mereka yang lain mendhaifkan hadis ini ialah Ibnu Al-Arabi. Imam Tirmidzi mengatakan pula hadis ini hadis gharib. Sheikh M. Fuad Abd Baqi dan Imam Ahmad mengatakannya matruk (Ditinggalkan hadithnya tanpa ber'amal dengannya). Imam Nawawi juga mengakui terdapat perawi yang dipermasalahkan.

***Hadis 2:***

روى أحمد بسند صحيح عن أبي الدرداء أن النبي صلى الله عليه وسلم قال : من توضأ فأسبغ الوضوء ، ثم صلى ركعتين يتمهما أعطاه الله ما سأل معجلا أو مؤخرا

Maksudnya: "*Barangsiapa yang berwudhu' dan menyempurnakannya, kemudian bersolat dua rakaat dengan sempurna, maka dia diberi Allah apa sahaja yang diminta, sama ada cepat ataupun lambat.*" **[Hadis Riwayat Imam Ahmad]**

Komentar

Az-Zahabi mendhaifkan hadis ini kerana terdapat seorang rawi yang tidak dikenali dalam sanadnya iaitu Maimun Abu Muhamad. Sheikh Albani juga mengatakan ia dhaif.

Tetapi Imam Suyuti mengatakan hadis ini sah.

***Hadis 3:***

عَنْ عُثْمَانَ بْنِ حُنَيْفٍ أَنَّ رَجُلًا ضَرِيرَ الْبَصَرِ أَتَى النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَالَ ادْعُ اللَّهَ لِي أَنْ يُعَافِيَنِي فَقَالَ إِنْ شِئْتَ أَخَّرْتُ لَكَ وَهُوَ خَيْرٌ وَإِنْ شِئْتَ دَعَوْتُ فَقَالَ ادْعُهْ فَأَمَرَهُ أَنْ يَتَوَضَّأَ فَيُحْسِنَ وُضُوءَهُ وَيُصَلِّيَ رَكْعَتَيْنِ وَيَدْعُوَ بِهَذَا الدُّعَاءِ اللَّهُمَّ إِنِّي أَسْأَلُكَ وَأَتَوَجَّهُ إِلَيْكَ بِمُحَمَّدٍ نَبِيِّ الرَّحْمَةِ يَا مُحَمَّدُ إِنِّي قَدْ تَوَجَّهْتُ بِكَ إِلَى رَبِّي فِي حَاجَتِي هَذِهِ لِتُقْضَى اللَّهُمَّ شَفِّعْهُ فِيَّ قَالَ أَبُو إِسْحَقَ هَذَا حَدِيثٌ صَحِيحٌ

Maksudnya: Daripada Saidina 'Utsman Bin Hanif r.a menyatakan: "Pernah ada seorang lelaki buta yang datang menemui Baginda Rasulullah s.a.w lalu berkata: "*Doakanlah saya wahai Rasulullah agar disembuhkan saya (daripada buta mata).*" Sabda Baginda s.a.w menjawab: "*Jika kau suka untuk bersabar engkau akan dapati pahalanya di atas kesabaranmu (di atas penyakitmu itu), ataupun boleh juga kalau kau hendak sekarang, aku akan mendoakan engkau sekarang (supaya sembuh serta-merta).*" Kata lelaki itu: "*Doakanlah untukku sekarang*." Lalu Baginda Rasulullah s.a.w pun menyuruhnya agar mengambil air sembahyang dan mengambilnya dengan sebaik-baiknya, lalu mengerjakan solat dua rakaat. Kemudian dia berdoa (ertinya): "*Ya Allah Ya Tuhanku! Aku berdoa dan bermunajat kepada-Mu dengan Muhammad; Nabi yang membawa rahmat. Wahai Muhammad! , aku telah pun berdoa kepada Allah dengan perantaranmu demi dikabulkan hajatku ini. Ya Allah! Berilah syafaat (Baginda Rasulullah s.a.w) kepadaku*" **[Hadis diriwayatkan oleh Ibnu Majah, Imam Ahmad, Abu Ishaq, Tirmidzi dan Baihaqi]**

Komentar

Imam Abu Ishaq, Al-hakim, Dr. Muh. Mushthafa Al-A'zhamiy, mengatakan bahawa Hadis ini adalah sahih. Imam Tirmidzi pula mengatakannya ia hasan sahih yang gharib.

Tetapi M.Rasyid Ridha meragui kesahihan hadis ini kerana terdapat perawi majhul yakni Abu Ja'far. Al-Izz Abdussalam dan Imam Shan'ary juga meragui hadis ini.

***Hadis 4:***

Dari Abdillah bin Abi Aufaa A1-Aslamiy, ia berkata: Rasulullah saw. keluar menemui kami (shahabat-shahabat), lalu ia bersabda: "Barangsiapa mempunyai hajat dari Allah, atau dari salah seorang makhluknya, hendaklah ia berwudhu, lalu shalat dua rak'at, kemudian hendaklah ia membaca (yang artinya): "*Tidak ada Tuhan yang sebenarnya melainkan Allah, Penyabar lagi Pemurah, Maha Suci Allah, Tuhan bagi Arsy yang besar. Sekalian pujian bagi Allah, Pengurus sekalian alam. Ya Allah! sesungguhnya aku minta pada-Mu ketentuan rahmat-Mu dan kepastian keampunan-Mu, dan faedah dari tiap-tiap kebaikan, dan keselamatan dan tiap-tiap kebaikan, dan keselamatan dari tiap-tiap dosa, aku mohon kepada-Mu supaya tidak Engkau biarkan dosa padaku, melainkan hendaklah Engkau mengampuninya, dan tidak suatu kebimbangan. melainkan hendaklah Engkau hilangkan, dan tidak hajat yang Engkau ridhai melainkan hendaklah Engkau tunaikan dia kepadaku)*", kemudian (sabda Nabi saw.): "*Boleh ia minta kepada Allah urusan dunia dan akhirat apa-apa yang ia kehendaki, karena itu akan ditentukan*."**[Hadis riwayat Ibnu Majah, Tirmidzi dan lain-lain**]

Komentar

Berkaitan hadis di atas, di dalam sanadnya terdapat beberapa perawi yang dipermasalahkan iaitu:

1) Faa-id bin Abdirrahman: Kata Tirmidzi: Faa-id dilemahkan orang dalam meriwayatkan Hadis. Kata Ahmad: "*Dia ditinggalkan ulama*." Kata Bukhari: "*Dia orang yang diingkari Hadisnya.*"

2) Abu Ma'mar 'Abbad bin-Abdish-shamad: Seorang rawi yang lemah sekali. Dilemahkan oleh Bukhari, Ibnu Hibban, 'Uqaili, Abu Hatim dan Ibnu Adiy. Kata Ibnu Hibban: "*Dia ada meriwayatkan dari Anas satu nuskhah, kebanyakannya palsu*."

3) Abu Hasyim Katsier bin Abdillah: Dilemahkan oleh Bukhari, Nasai, Daraquthni dan Abu Hatim. Kata Bukhari: "*Dia orang yang diingkari hadisnya*."

4) Abaan bin Abie 'Ayyasy: Dilemahkan oleh Syu'bah Ahmad, Waki', Yahya bin Ma'ien, Abu Ishaq, Nasai Abu 'Awanah dan lain-lain. Kata Nasai: "*Dia seorang yang ditinggalkan Hadisnya*." Syu'bah pernah berkata: "*Seseorang berzina itu, lebih baik daripada ia meriwayatkan (Hadis) dari Abaan*."

***Kesimpulan***

Berdasarkan komentar yang dapat dikumpulkan di atas, hadis 1 dan hadis 4 adalah hadis dhaif yang tidak dipersilisihi oleh ulama' Adapun hadis 2 dan hadis 3, terdapat perbezaan pendapat akan status hadis-hadis tersebut. Ada yang mengatakan ianya sahih dan ada juga mengatakan ianya dhaif dan tidak boleh dijadikan dalil kepada solat hajat ini. Oleh kerana itu, kami (Al-Ahkam) mengatakan isu solat hajat ini adalah perkara khilafiah yang mana setiap antara kita boleh saja mengamalkannya maupun menolaknya. Setiap ulama' yang mengeluarkan pendapat berkisar solat hajat ini, baik bersetuju mahupun menolak, bukanlah orang yang boleh dipertikaikan lagi kehebatan mereka. Tidaklah boleh untuk kita berpecah-belah semata-mata kerana perbezaan pendapat ini. Kerana itulah Al-Imam Asy-Syahid Hassan al-Banna rh telah menyatakan di dalam Usul ke-8 daripada Al-Usul al-'Isyrin (Usul 20):

والخلاف الفقهي في الفروع لا يكون سببا للتفرق في الدين , ولا يؤدي إلى خصومة ولا بغضاء ولكل مجتهد أجره , ولا مانع من التحقيق العلمي النزيه في مسائل الخلاف في ظل الحب في الله والتعاون على الوصول إلى الحقيقة , من غير أن يجر ذلك إلى المراء المذموم والتعصب

Ertinya: "*Perbezaan memahami masalah-masalah ranting ibadah tidak boleh dijadikan sebab untuk berpecah-belah di dalam agama. Dan sama-sekali tidak boleh membawa kepada sebarang pertelingkahan dan permusuhan. Setiap mujtahid itu ada pahalanya masing-masing*."

Oleh itu, sekiranya ingin mengamalkannya, bermakna kita berpegang kepada ulama' yang mengatakan hadis 2 atau 3 itu sahih. Begitulah juga sebaliknya. Sekian. Allahu'alam.

_____
Ditulis/Disusun oleh
g@y@t

CD offline al-ahkam, page 2
http://al-ahkam.net/home/upload/dl/solat_hajat/al-ahkam_net%20%20View%20topic%20-%20Salah%20al-haajah-2.htm



http://al-ahkam.net/home/upload/dl/solat_hajat/al-ahkam_net%20%20View%20topic%20-%20Salah%20al-haajah-1.htm
http://al-ahkam.net/home/upload/dl/solat_hajat/al-ahkam_net%20%20View%20topic%20-%20Salah%20al-haajah-2.htm